



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/05/75 (HQ)

### TNB GERAK WARGA KERJA UNTUK PASTIKAN BEKALAN KEKAL STABIL SEPANJANG AIDILFITRI

- 10,409 bertugas atau tunggu sedia

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** meneruskan amanahnya dalam menjamin bekalan elektrik sempurna kepada pengguna dengan meletakkan 10,409 warga kerjanya bertugas atau dalam keadaan tunggu sedia di sektor yang kritikal sepanjang Hari Raya Aidilfitri.

“Pada waktu perayaan yang besar seperti Aidilfitri, anggota kerja TNB sekali lagi meneruskan tugas memastikan bekalan elektrik yang berterusan demi kebaikan masyarakat secara menyeluruh,” kata Pengerusi TNB, Dato’ Seri Mahdzir Khalid.

“Warga kerja TNB bertugas tatkala orang lain menyambut perayaan di rumah bersama keluarga. Ini sebahagian pengorbanan amat hebat yang saya amati sepanjang setahun berkhidmat sebagai Pengesuri TNB.”

Beliau berkata demikian ketika majlis pengagihan bingkisan kuih raya yang disediakan Persatuan Wanita TNB (PELITAWANIS) kepada warga kerja TNB di Ibu Pejabat TNB Jalan Bangsar, pada 3 Mei 2021.

PELITAWANIS TNB menyiapkan sebanyak 10,409 pek bingkisan kuih raya untuk diagihkan kepada warga kerja TNB yang bakal bertugas dan tunggu sedia di Semenanjung dan Sabah pada 1 Syawal kelak.

Tradisi penyediaan dan pembungkusan bingkisan raya telah dilakukan TNB melalui PELITAWANIS sejak tahun 2005, sebagai tanda penghargaan kepada warga kerja yang bertungkus-lumus memastikan bekalan elektrik kekal selamat dan stabil sepanjang Aidilfitri, khususnya ketika negara masih berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Sementara itu, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Ir. Baharin Din berkata tradisi selama 17 tahun ini diharapkan dapat memberi keceriaan kepada anggota kerja yang bertugas.

“Kelangsungan pembekalan elektrik di negara ini didukung oleh khidmat bakti anggota kerja, baik di barisan hadapan mahu pun mereka yang menyokong di belakang.”

Beliau turut menasihatkan pengguna untuk terus memastikan amalan keselamatan elektrik dipatuhi sepanjang persiapan hari raya dan Syawal.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 9 Mei 2021, jam 10:00 pagi**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /  
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Penaung PELITAWANIS TNB, Datin Seri Noraini Abdullah (kanan) bersama Yang Dipertua PELITAWANIS TNB, Datin Noor Aizah Abd Karim (dua, kiri) menyerahkan Bingkisan Kuih Raya kepada pemandu, Hassan Ngah Osman bagi pengagihan bingkisan ke stesen-stesen yang terlibat, di perkarangan lobi Ibu Pejabat TNB Bangsar pada 3 Mei 2021.

Turut hadir, Pengerusi TNB, Dato' Seri Mahdzir Khalid (dua, kanan) dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (kiri).